KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN
# PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## JUMAAT, 7 JULAI 2023

## LAPORAN HARIAN

Media Monitoring Report Prepared by:
*World Communications*

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **BAYI PEREMPUAN DITEMUI DI LANTAI KEDAI AYAM** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/06/bayi-perempuan-ditemui-di-lantai-kedai-ayam/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984835/dia-menggigil-badan-dihurung-semut-saksi | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=OFQm4IGVzws | YOUTUBE |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/bayi-bertali-pusat-ditemukan-di-atas-lantai-kedai-jual-ayam/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/bayi-perempuan-baru-lahir-dibuang-di-gerai-ayam/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=7l8Rbr5ZILc | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=7PrapxiNqCg | YOUTUBE |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984794/bayi-perempuan-ditemui-di-atas-lantai-kedai-jual-ayam | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bayi-perempuan-baru-lahir-ditemui-di-lantai-kedai-jual-ayam-426890 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266820/berita/semasa/bayi-perempuan-ditemui-di-lantai-kedai-jual-ayam | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **ABANG CEKIK ADIK: KPWKM SEDIA BERI KHIDMAT KAUNSELING** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266914/berita/nasional/abang-cekik-adik-kpwkm-sedia-beri-khidmat-kaunseling | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/sedia-tawar-khidmat-kaunseling-kepada-keluarga-budak-maut-dicekik-abang/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/pwkm-sedia-kaunseling-keluarga-kanak-kanak-maut-dicekik-abang/ | KOSMO.COM.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **SUSPEK CEKIK ADIK HINGGA MATI DIJANGKA DIREMAN PAGI INI** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1122925/suspek-cekik-adik-hingga-mati-dijangka-direman-pagi-ini | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984761/polis-mohon-reman-remaja-cekik-adik-pagi-ini | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/tragedi/2023/07/suspek-cekik-adik-direman-hari-ini-tiada-rekod-disiplin/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/remaja-cekik-adik-hingga-maut-direman-pagi-ini-426883 | ASTROAWANI.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/06/pelajar-14-tahun-cekik-adik-sampai-mati-direman-7-hari/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/cekik-adik-hingga-mati-remaja-lelaki-direman-7-hari-426913 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/remaja-cekik-adik-hingga-maut-direman-hari-ini/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/mahkamah/2023/07/suspek-cekik-mati-adik-kandung-direman-tujuh-hari/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266791/berita/semasa/adik-maut-dicekik-abang-mangsa-buli-di-asrama | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **ISTERI BEKAS ADUN DIPUKUL SELEPAS TEGUR KANAK-KANAK MENCURI** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/07/06/isteri-bekas-adun-dipukul-selepas-tegur-kanak-kanak-mencuri/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985050/bengang-anak-didakwa-mencuri-lelaki-serang-isteri-bekas-adun | HMETRO.COM.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **OKU DISYAKI BUNUH BAPA DIARAH JALANI PEMERIKSAAN PSIKIATRI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984782/oku-disyaki-bunuh-bapa-diarah-jalani-pemeriksaan-psikiatri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1123047/lelaki-oku-didakwa-bunuh-bapa | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/lelaki-oku-didakwa-bunuh-bapa-426901 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/pemuda-oku-didakwa-bunuh-bapa-kandung/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266818/berita/semasa/lelaki-oku-didakwa-bunuh-bapa | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/pemuda-oku-didakwa-bunuh-bapa-kandung/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/07/06/man-charged-with-murdering-father | THESTAR.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **PROGRAM ANTIGANGGUAN SEKSUAL TINGKATKAN KESEDARAN DALAM KALANGAN MASYARAKAT** | |
| | https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2204208 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thesundaily.my/local/kpwkm-organises-anti-sexual-harassment-advocacy-programme-DI11197242 | THESUNDAILY.MY |
| | https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2204213 | BERNAMA.COM |
| | https://www.sinardaily.my/article/200601/malaysia/national/women-family-and-community-development-ministry-organises-anti-sexual-harassment-advocacy-programme | SINARDAILY.MY |
| | https://berita.rtm.gov.my/~berita/index.php/semasa/66800-kempen-antigangguan-seksual-kesedaran-lelaki-bersifat-subjektif | BERITA.RTM.GOV.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **LELAKI JADI MANGSA GANGGUAN SEKSUAL BANYAK DIAMKAN DIRI** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/985068/lelaki-jadi-mangsa-gangguan-seksual-banyak-diamkan-diri | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/07/1123279/lelaki-mangsa-gangguan-seksual-hanya-berdiam-diri | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/lelaki-mangsa-gangguan-seksual-kurang-mengadu/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://tvstv.my/2023/07/06/lelaki-usah-malu-lapor-jadi-mangsa-gangguan-seksual/ | TVSTV.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/lelaki-alami-gangguan-seksual-kurang-mengadu/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **KANAK-KANAK TUJUH TAHUN HILANG JATUH SUNGAI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kanak-kanak-lelaki-tujuh-tahun-hilang-jatuh-sungai-426867 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/07/1122901/kanak-kanak-hilang-terjatuh-sungai | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266787/berita/semasa/budak-tujuh-tahun-hilang-jatuh-sungai-batang-kali | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/berita/2023/07/kanak-kanak-lelaki-tujuh-tahun-terjatuh-sungai/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/06/suasana-operasi-sar-kanak-kanak-hilang-jatuh-sungai/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **ELAK ANAK KEMALANGAN DI RUMAH, APA PATUT IBU BAPA BUAT** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1122895/elak-anak-kemalangan-di-rumah-apa-patut-ibu-bapa-buat | BHARIAN.COM.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **TAKUT KENA MARAH PUNCA ADIK 'LARI'** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984746/takut-kena-marah-punca-adik-lari | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/budak-hilang-selepas-kelas-kafa-takut-dimarahi-ibu-bapa/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/kanak-kanak-tidak-pulang-kerana-takut-kena-marah-ditemukan-selamat/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **PURA-PURA BELI ROKOK SEBELUM RAGUT RANTAI WARGA EMAS** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/07/984820/pura-pura-beli-rokok-sebelum-ragut-rantai-warga-emas | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=_AdbXPSLncY | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 12 | **SUAMI ISTERI DISIMBAH ASID OLEH WANITA TIDAK DIKENALI** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/suami-isteri-disimbah-asid-oleh-wanita-tidak-dikenali/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/utama/2023/07/985030/suami-isteri-cedera-disimbah-asid | HMETRO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 13 | **PENDUDUK TAMBAH PENDAPATAN JUAL ASAM KEPING** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/07/penduduk-tambah-pendapatan-jual-asam-keping/ | UTUSAN.COM.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 14 | **TINDAKAN TEGAS KEPADA SEKOLAH SEMBUNYI KES BULI** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tindakan-tegas-kepada-sekolah-sembunyi-kes-buli-426922 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.bharian.com.my/amp/berita/kes/2023/07/1123052/sekolah-digesa-tidak-sembunyi-kes-buli-cegah-kejadian-buruk | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 15 | **DUGAAN BERGANDA BUAT IBU TUNGGAL** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266781/edisi/pahang/dugaan-berganda-buat-ibu-tunggal | SINARHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 16 | **BANTU GELANDANGAN BINA HIDUP BARU** | |
| | https://www.bharian.com.my/rencana/minda-pembaca/2023/07/1122946/bantu-gelandangan-bina-hidup-baharu | Dugaan berganda buat ibu tunggal |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 17 | **PUSAT PENJAGAAN INTEGRASI AKAN DIBINA DI SELURUH NEGARA** | |
| | https://malaysiagazette.com/2023/07/06/pusat-penjagaan-integrasi-akan-dibina-di-seluruh-negara/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 18 | **SRI KOTA SPECIALIST MEDICAL CENTRE'S SIHAT FEST 2023: PROMOTING HEALTH AND WELLNESS FOR ALL** | |
| | https://www.malaysiakini.com/announcement/671001 | MALAYSIAKINI.COM |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 19 | **KUNCI CEGAH KANSER** | |
| | https://sarawakvoice.com/kunci-cegah-kanser/ | SARAWAKVOICE.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 20 | **ISWC 2023 HIMPUN LEBIH 2,000 DELEGASI, PERKASA SISTEM PERLINDUNGAN SOSIAL NEGARA** | |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/iswc-2023-himpun-lebih-2000-delegasi-perkasa-sistem-perlindungan-sosial-negara-426947 | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 21 | **6 JULAI 2023 SPM – KAPSUL KUARTET MERDEKA DATO’ SRI NANCY SHUKRI** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=GVCwM2A246Q | ASTROAWANI.COM |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 22 | **'LEBIH BAIK SAYA IKUT SEBELUM SUAMI BAWA PEREMPUAN LAIN...'** | |
| | https://www.bharian.com.my/wanita/keluarga/2023/07/1122948/lebih-baik-saya-ikut-sebelum-suami-bawa-perempuan-lain | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 23 | **SCAM JUAL KERETA, LELAKI DIDAKWA TIPU PAKAR BIUS, DUA WANITA** | |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/266903/berita/semasa/scam-jual-kereta-lelaki-didakwa-tipu-pakar-bius-dua-wanita | SINARHARIAN.COM.MY |

7/7/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 24 | [VIDEO] 'KAKI BULI' MENANGIS TERESAK-ESAK IBU BAWA BALAI | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/07/06/video-kaki-buli-menangis-teresak-esak-ibu-bawa-balai/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 25 | TAMBAH BAIK SKIM BERI PELUANG WARGA EMAS NIKMATI BANTUAN KETIKA HAYAT | |
| | https://selangorkini.my/2023/07/tambah-baik-skim-beri-peluang-warga-emas-nikmati-bantuan-ketika-hayat/ | SELANGORKINI.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 26 | 6 JULAI 2023 - BERITA WILAYAH - KOMPLEKS SINAR KASIH BANTU WARGA EMAS DAN KANAK-KANAK | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=Ik6KPCHkxJ0 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 27 | 6 JULAI 2023 - BERITA WILAYAH - PERDAYA WARGA EMAS SERAH KAD ATM: PENGANGGUR MENGAKU TIDAK BERSALAH | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=NDi42dOcwbg | YOUTUBE |

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA DAKWA REMAJA CEKIK ADIK MANGSA BULI SENIOR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 16 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Bapa dakwa remaja cekik adik mangsa buli senior

## Pelajar berubah sikap pernah cekik kedua orang tua

Oleh Nuraliawati Sabri dan Meor Riduwan Meor Ahmad
bhnews@bh.com.my

**Melaka:** Remaja lelaki berusia 14 tahun yang dipercayai mencekik adiknya sehingga mati di Bukit Piatu, kelmarin dikatakan berubah sikap selepas menjadi mangsa buli di sekolahnya.

Kejadian dikatakan berlaku kira-kira jam 12 tengah hari dan ketika itu hanya remaja terbabit bersama mangsa yang juga adiknya berusia sembilan tahun berada di rumah.

Menurut bapa remaja itu, sikap anak sulungnya yang belajar di sebuah sekolah agama di Alor Gajah itu mula berubah selepas dia dibuli pelajar senior di asramanya.

Dakwanya, anaknya itu dibuli sejak Tingkatan Satu, tetapi hanya mendiamkan diri sehinggalah berlarutan ke tahun ini dan semakin teruk sebelum mula mengadu kepadanya dan isteri.

"Dia kerap menelefon ibunya mengadu, tetapi awalnya saya sangkakan keadaan biasa budak asrama sehingga terdapat kesan kecederaan, kami kemudian mengadu kepada sekolah serta membuat laporan polis.

"Dia mengadu dengan memberitahu dibuli dua rakan senior termasuk dicekik ketika tidur, disimbah air dan ditendang, selain dipukul," katanya.

Bapa kepada empat anak itu berkata, susulan daripada perubahan sikap, anaknya itu pernah bertindak mencekiknya dan isteri.

"Pernah ketika mengambilnya dari sekolah dan tidak lama selepas tiba di rumah dia tiba-tiba meraung dengan menyebut Subhanallah dalam keadaan mata terbeliak sebelum bertindak mencekik saya, tenaganya ketika itu seakan orang dewasa.

"Disebabkan perubahan sikapnya itu juga, kami biarkan dia belajar di rumah buat sementara waktu, selain pada waktu sama, saya dan isteri membawanya mendapat rawatan," kata0 nya.

Katanya, ketika kejadian dia di Terengganu atas urusan kerja, manakala isterinya yang bertugas sebagai jururawat juga sedang bekerja.

### Pantau melalui CCTV

Beliau berkata, bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku, mereka memantau pergerakan dua beradik itu melalui kamera litar tertutup (CCTV) menerusi telefon bimbit.

"Sebelum kejadian saya ada menelefon sama ada sudah makan atau belum, dia seperti biasa dan memberitahu sudah makan.

"Tidak sangka apa yang kami bimbangkan berlaku apabila menerusi rakaman CCTV melihat dia tiba-tiba mencekik adiknya yang ketika itu berada di sofa," katanya.

Sementara itu, remaja lelaki terbabit direman tujuh hari mulai semalam hingga 12 Julai ini.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nurul Asyikin Rosli, di Mahkamah Majistret Ayer Keroh, di sini, mengikut Seksyen 117 Kanun Prosedur Jenayah.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI DIBUANG DI KEDAI JUAL AYAM | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 20 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



*Yusmiza Azlan menunjukkan lokasi dia menemui seorang bayi di atas lantai kedai jual ayam di Chukai, semalam.*

# Bayi dibuang di kedai jual ayam

**Chukai:** Seorang bayi perempuan ditemui di lantai sebuah kedai menjual ayam di kawasan Jabur Kubur, Jalan Air Putih di sini, semalam.

Bayi cukup sifat dan masih bertali pusat itu dipercayai dilahirkan dalam tempoh tiga atau empat hari sebelum ditemui pemilik kedai jam 7.50 pagi.

Ketua Polis Daerah Kemaman, Superintendan Hanyan Ramlan, berkata bayi itu ditemui pemilik kedai ketika mahu memulakan perniagaan

Katanya, bayi dianggar seberat 3.2 kilogram itu dibawa ke Hospital Kemaman untuk pemeriksaan lanjut.

"Bayi berada dalam keadaan sihat dan polis giat mengesan suspek yang membuang bayi terbabit," katanya kepada pemberita di Pusat Kawalan Operasi di Balai Polis Air Putih di sini, semalam.

Hanyan berkata, klinik sekitar daerah ini sudah dihubungi dan diminta memaklumkan kepada polis sekiranya menerima pesakit yang baru melahirkan bayi.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 317 Kanun Keseksaan kerana menyembunyikan kelahiran.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | KOS RAWATAN DIALISIS PERKESO CECAH RM500 JUTA 10 TAHUN AKAN DATANG | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 15 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Kos rawatan dialisis PERKESO cecah RM500 juta 10 tahun akan datang



*Sivakumar (tengah) bersama penerima sumbangan pada Majlis Perasmian Pejabat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) Klang dan Pusat Dialisis PERKESO Cawangan Klang di Bandar Bukit Tinggi, Klang. Turut hadir Pengerusi Lembaga PERKESO, Datuk Seri Subahan Kamal (empat dari kanan) dan Ketua Eksekutif PERKESO, Datuk Seri Dr Mohammed Azman Aziz Mohammed (kiri).* (Foto BERNAMA)

**Klang:** Kos rawatan dialisis pencarum Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) dijangka mencecah lebih RM500 juta dalam tempoh 10 tahun akan datang.

Menteri Sumber Manusia, V Sivakumar berkata, peningkatan kos itu berlaku saban tahun dengan sekitar 2,000 hingga 3,000 permohonan baharu bagi rawatan dialisis diterima PERKESO terutama di Selangor, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang.

Beliau berkata, perkhidmatan rawatan dialisis PERKESO yang dimulakan pada 1999 membabitkan kos RM1.12 juta dan meningkat kepada RM334.67 juta pada tahun lalu.

Katanya, sepanjang lima bulan tahun ini pula membabitkan kos sebanyak RM145.3 juta.

"Apabila pertambahan berlaku memberikan kesan kepada PERKESO kerana sebahagian pesakit buah pinggang ini adalah pekerja.

"Kesan bukan sahaja menyebabkan mereka tidak dapat bekerja, malah keluarga juga hilang punca rezeki, seterusnya negara kehilangan aset sumber manusia yang menyumbang kepada produktiviti dan perkembangan ekonomi.

"Justeru, kita bercadang untuk membuka lebih banyak cawangan pusat dialisis di Kuala Lumpur; Seberang Jaya, Pulau Pinang; Sabah; Sarawak; Kuantan, Pahang dan Terengganu," katanya pada sidang media selepas merasmikan pejabat PERKESO Klang dan Pusat Dialisis PERKESO cawangan Klang di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Sivakumar berkata, pusat dialisis PERKESO itu bukan bertujuan untuk bersaing dengan pusat dialisis lain sebaliknya, bagi mengukuhkan kemampanan PERKESO sendiri dalam mengurangkan dana keselamatan sosial.

Menurutnya, kos dialisis sebulan bagi seorang pencarum PERKESO yang menerima kemudahan tersebut adalah kira-kira RM2,000 dan hasil penjimatan menerusi pusat dialisis pertubuhan itu boleh disalurkan semula kepada pencarum dalam bentuk lain.

"Kita akan tetap meneruskan rawatan dialisis kepada Orang Berinsurans PERKESO ini di lebih 700 pusat dialisis panel PERKESO yang sebahagiannya diuruskan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan pihak swasta," katanya.

Beliau berkata, pusat dialisis PERKESO di Klang itu menyediakan kemudahan rawatan dialisis kepada pencarum di sekitar daerah berkenaan.

Katanya, pusat itu mampu menyediakan rawatan kepada 18 pesakit sehari menerusi tiga syif dan melengkapkan kitaran dialisis untuk 36 pesakit setiap tiga hari dalam seminggu.

Dalam pada itu, Sivakumar turut berharap Orang Berinsurans PERKESO menjalani program saringan kesihatan percuma yang ditawarkan PERKESO bagi pencarum yang berusia 40 hingga 59 tahun, iaitu HSP 3.0.

Katanya, jika dapat mengesan apa-apa penyakit, pekerja boleh mendapat rawatan segera sekaligus mengelakkan ia menjadi semakin serius.

"Berdasarkan analisis program HSP terhadap 27,152 orang pada 2022 didapati 42 peratus pekerja mengalami obesiti, kencing manis (14.1 peratus), darah tinggi (27.9 peratus) dan kolesterol tinggi (61.2 peratus)," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | PENERIMA GEMBIRA TERIMA SUMBANGAN TUNAI RAHMAH | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 09 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Penerima gembira terima Sumbangan Tunai Rahmah

## Bayaran STR Fasa Ketiga berjumlah RM8b dipercepatkan sebelum Aidiladha

Oleh Norzamira Che Noh
bhnews@bh.com.my

**Shah Alam:** Rakyat yang kurang berkemampuan mula menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR) Fasa Ketiga bermula 26 Jun.

Bantuan STR secara keseluruhan dengan jumlah peruntukan hampir RM8 bilion daripada kerajaan ternyata menjadi berita gembira bagi penerima kerana pembayaran Fasa Ketiga dipercepatkan sebelum Aidiladha.

Penerima sumbangan, Suriati Ramli, 57, memberitahu bahawa ini pemberian STR kali ketiga yang diterimanya dan ia sememangnya membantu beliau yang mempunyai pendapatan tidak menentu sebagai tukang jahit.

"Alhamdulillah, seronok sebab dapat sebelum raya (Aidiladha). Walaupun jumlahnya hanya RM150, boleh saya gunakan untuk keperluan dapur.

"Kebiasaannya, jika dapat bantuan ini, saya akan beli keperluan dapur terutama beras. Kalau nak menyimpan itu memang tak sempat," katanya ketika ditemui di Bank Simpanan Nasional (BSN) cawangan Bukit Tinggi dekat sini.

Beliau berkata, sedikit atau banyak nilai sumbangan yang diterima, penerima STR wajar bersyukur kerana tidak semua terpilih untuk menjadi penerima.

"Kalau ikutkan memang tidak cukup tapi tidak dinafikan ia membantu terutama untuk yang tidak mempunyai pendapatan tetap seperti saya," kata wanita yang menetap di Johan Setia itu.

Bagi Muhammad Shahrul Adzwan Rosmin, 24, yang berasal dari Sandakan, Sabah, STR sedikit sebanyak menampung keperluannya yang bekerja sebagai pengawal keselamatan di Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Klang.

"Kehidupan di Lembah Klang agak tinggi kosnya, justeru sumbangan ini akan saya gunakan sebaiknya untuk membeli barang keperluan terutamanya makanan.

"Sebelum ini, jika dapat saya akan kongsi bersama keluarga tetapi kali ini, saya akan gunakan untuk keperluan diri.

"Jika ditanya adakah saya ingin STR diteruskan? Sudah pasti saya setuju ia diteruskan," katanya.



*Pooniamah menerima bayaran STR Fasa 3 di cawangan BSN Bukit Tinggi, Klang.* (Foto Faiz Anuar/BH)

### Guna secara berhemat

Bagi P Pooniamah, 72, yang menetap di Taman Sri Andalas, Klang, bantuan berkenaan akan digunakan secara berhemat walaupun beliau kini dijaga oleh anaknya.

"Ini kali ketiga saya dapat sumbangan ini, biasa saya guna sendiri sebab anak saya juga dapat sumbangan yang sama untuk keluarganya.

"Terima kasih kepada kerajaan kerana meneruskan pemberian sumbangan ini kepada kami yang memerlukan," katanya.

Anak kepada Pooniamah yang juga penerima STR, E Santhadevi berkata beliau bersyukur masih berpeluang menerima sumbangan berkenaan.

Menurutnya, beliau kini menjaga ibunya dan dua anak termasuk seorang yang masih bersekolah.

"Tiga lagi anak saya sudah berkahwin dan mereka semua tinggal sendiri, jadi sumbangan yang saya terima adalah untuk kegunaan saya, dua anak dan ibu yang tinggal bersama saya," katanya.



*Pembayaran tunai boleh dibuat melalui cawangan BSN di seluruh negara bagi penerima yang tidak mempunyai akaun bank.*

Ketika tinjauan dilakukan, rata-rata penerima sumbangan berkenaan berharap agar STR diteruskan dan jumlah dinaikkan mengambil kira keadaan ekonomi negara yang menekan rakyat sekarang.

Terdahulu, Perdana Menteri yang juga Menteri Kewangan, Dato' Seri Anwar Ibrahim, berkata bayaran itu akan memanfaatkan lebih lapan juta penerima B40 yang menerima bayaran antara RM100 hingga RM1,300 berdasarkan kelayakan masing-masing.

Beliau berkata, kerajaan memutuskan pembayaran STR Fasa Ketiga dipercepatkan dan disalurkan sebelum Aidiladha berbanding perancangan awal pada bulan ini.

Penerima yang mempunyai akaun bank, bayaran STR akan dikreditkan terus ke akaun bank mulai 26 Jun sehingga 5 Julai, manakala mereka yang tidak mempunyai akaun bank, pembayaran tunai boleh dibuat melalui cawangan Bank Simpanan Nasional di seluruh negara.

Fasa Pertama STR telah pun diagihkan pada 17 Januari 2023 secara berperingkat diikuti Fasa Kedua pula pada April.

Maklumat lanjut mengenai inisiatif Belanjawan 2023 lain boleh didapati di belanjawan.mof.gov.my/manfaat

"Alhamdulillah, seronok sebab dapat sebelum raya (Aidiladha). Walaupun jumlah hanya RM150, boleh saya gunakan untuk keperluan dapur"



*Suriati Ramli, Penerima sumbangan*

"Kehidupan di Lembah Klang agak tinggi kosnya, justeru sumbangan ini akan saya gunakan sebaiknya untuk membeli barang keperluan terutamanya makanan"



*Muhammad Shahrul Adzwan Rosmin, Penerima sumbangan*

"Tiga lagi anak saya sudah berkahwin dan mereka semua tinggal sendiri, jadi sumbangan yang saya terima adalah untuk kegunaan saya, dua anak dan ibu yang tinggal bersama saya"



*E Santhadevi, Penerima sumbangan*

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | TAMBAH INISIATIF TANGANI ISU KOS SARA HIDUP | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | BERITA HARIAN |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 13 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Tambah inisiatif tangani isu kos sara hidup

Khairunnisa Yussof dan Siti Musliha Mohd Idris
Universiti Teknologi MARA, Melaka

**Kebelakangan** ini hampir saban hari kita mendengar keluhan orang ramai mengenai peningkatan kos sara hidup. Bermula dengan keperluan barang basah sehingga tarif elektrik hampir semuanya meningkat hingga memeningkan kepala.

Peningkatan kos sara hidup ini berlaku selari dengan meningkatnya inflasi negara. Ia sesuatu yang sudah disebut oleh ramai pakar ekonomi sebelum ini namun itu tidak bermakna kesannya boleh ditangani dengan baik.

Bagi sesetengah orang, peningkatan kos sara hidup yang berlaku sekarang menyebabkan tekanan dari pelbagai segi. Memang tidak dinafikan ramai orang sudah mula berjimat dalam perbelanjaan harian. Mereka mula mengurangkan pembelian serta mengamalkan langkah berjimat cermat.

Antara langkah jimat cermat yang biasa dilakukan ialah dengan mengurangkan tabiat membeli makanan dari luar dengan memilih memasak sendiri. Begitu juga dengan mengurangkan perbelanjaan yang berbentuk kehendak seperti baju, tudung, kasut atau kereta baharu. Malah, dari segi penggunaan elektrik juga banyak kaedah mula dipraktikkan.

Namun dalam pada sebahagian kita melakukan langkah penjimatan rupanya ia memberi kesan kepada segelintir yang lain. Misalnya, terdapat sebahagian peniaga kecil terpaksa menutup perniagaan mereka kerana tidak mendapat sambutan. Makanan yang dijual tidak laku malah gagal untuk mendapat modal pusingan bagi meneruskan perniagaan.



*Kenaikan harga barangan keperluan jejas kehidupan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.*
(Foto hiasan)

Hal ini tentu sahaja mendukacitakan. Apatah lagi sebahagian mereka baru sahaja menarik nafas lega sesudah hampir dua tahun terjejas dengan penularan COVID-19. Justeru, ramai yang dalam keadaan sudah jatuh ditimpa tangga, baru sahaja hendak menarik nafas lega, tetapi keadaan hampir sama berulang semula.

Justeru, ada yang tidak tahu di mana hendak mendapatkan bantuan meneruskan hidup akhirnya terpaksa berhutang dengan ceti haram. Kesannya, ramai yang berhadapan masalah tekanan emosi malah ada juga hidup kais pagi makan pagi.

Dalam hal ini kita berharap kerajaan lebih prihatin dengan kebajikan rakyat. Banyak usaha perlu dilakukan oleh barisan pemimpin hari ini untuk memperkenalkan pelbagai inisiatif dan langkah pemulihan untuk membantu rakyat.

Mereka perlu bertanggungjawab dan bekerja untuk rakyat bagi mewujudkan juga menjamin kestabilan penjanaan pendapatan rakyat selain membantu golongan yang terjejas pendapatan. Pandanglah ke bawah lihat kesengsaraan sesetengah masyarakat dan berilah bantuan serta sokongan selayaknya kepada yang berkeperluan.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | 'LEMBIK LUTUT' LIHAT ABANG CEKIK ADIK | | |
| HARI : | JUMAAT | AKHBAR : | HARIAN METRO |
| TARIKH : | 07 JUL 2023 | M/SURAT : | 02 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# 'Lembik lutut' lihat abang cekik adik

## *Bapa terkedu saksi kejadian menyayat hati menerusi CCTV*

Oleh Nuraliawati Sabri
am@hmetro.com.my

**Melaka**

"Saya hilang daya untuk berdiri seolah-olah tiada lutut kerana terkejut melihat anak sulung tiba-tiba mencekik adiknya yang ketika itu berada di sofa.

"Dalam situasi yang tidak dapat digambarkan itu, saya terpaksa gagahkan diri memandu pulang dari Terengganu ke Melaka."

Begitu kata bapa kepada remaja lelaki yang didakwa mencekik adiknya sehingga mati di rumah mereka di Bukit Piatu di sini, kelmarin.

"Kami pasang kamera litar tertutup (CCTV) bagi mengelak perkara tidak diingini berlaku di rumah.

"Kami pantau pergerakan dua beradik itu melalui CCTV yang dipantau menerusi telefon bimbit.

"Tidak sangka, apa yang kami bimbangkan berlaku apabila menerusi rakaman CCTV, kami lihat anak sulung tiba-tiba mencekik adiknya," katanya ditemui kelmarin.




SUSPEK remaja dibawa menaiki van polis selepas mendapat perintah reman tujuh hari bagi membantu siasatan.

Menurut bapanya, remaja berkenaan adalah anak yang baik namun sikapnya mula berubah selepas didakwa menjadi mangsa buli dua pelajar seniornya di sebuah sekolah berasrama Arab di Alor Gajah.

"Anak sulung mengadu kerap dibuli oleh dua rakan senior termasuk dicekik ketika tidur, disimbah air, ditendang selain dipukul," katanya.

Kata bapa kepada empat anak itu, susulan perubahan sikap, anaknya itu pernah mencekiknya dan isteri.

"Pernah satu masa, saya mengambilnya dari sekolah dan sejurus tiba di rumah, dia (anak) tiba-tiba meraung dan dalam keadaan mata terbeliak, dia terus mencekik saya, tenaganya ketika itu seakan orang dewasa.

"Disebabkan perubahan sikapnya itu, kami biarkan dia belajar di rumah buat sementara waktu selain pada masa sama, saya dan isteri turut membawanya mendapatkan rawatan," katanya.




Dia mendakwa anaknya itu dibuli sejak berada di tingkatan satu tetapi hanya mendiamkan diri sehinggalah ia berlarutan ke tahun ini.

Katanya, kejadian buli itu semakin teruk sebelum anaknya mula mengadu kepadanya dan isteri.

"Dia kerap menelefon ibunya mengadu sering dibuli. Tetapi, pada awalnya, saya sangkakan ia hanya keadaan biasa membabitkan pelajar asrama sehinggalah terdapat kesan kecederaan pada anak.

"Kami kemudiannya mengadu kepada sekolah serta membuat laporan polis," katanya.

Menurutnya, ketika kejadian cekik itu, dia berada di Terengganu atas urusan kerja manakala isterinya yang bertugas sebagai jururawat juga sedang bekerja.

"Sebelum kejadian, saya ada menelefon anak sama ada sudah makan atau sebaliknya, dia masih seperti biasa dan memberitahu sudah makan.

"Tidak sangka, menerusi rakaman CCTV, kami lihat dia tiba-tiba mencekik adiknya," katanya.

Pada kejadian jam 12.30 tengah hari kelmarin, remaja lelaki berusia 14 tahun ditahan polis bagi membantu siasatan kes cekik adiknya yang berusia sembilan tahun sehingga tidak sedarkan diri.

Ketika kejadian, hanya dua beradik itu berada di rumah manakala ibu bapa mereka keluar bekerja.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## *Polis reman suspek sehingga 12 Julai*

**Melaka:** Remaja lelaki yang dipercayai mencekik adik lelakinya hingga menyebabkan kematian direman tujuh hari mulai semalam, hingga 12 Julai ini.

Perintah reman itu dikeluarkan Majistret Nurul Asyikin Rosli di Mahkamah Majistret Ayer Keroh di sini.

Remaja berusia 14 tahun yang belajar di sebuah sekolah Arab di Alor Gajah itu dibawa ke Kompleks Mahkamah Melaka, jam 9.01 pagi dengan berpakaian reman ungu.

Kes disiasat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan.

## *JPN panggil pengetua sekolah*



**Melaka:** Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) sudah memanggil pengetua sebuah sekolah agama di Alor Gajah, yang dikaitkan dengan dakwaan kejadian buli membabitkan seorang pelajar lelaki tingkatan dua sehingga menyebabkan remaja itu berubah sikap.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, pihaknya sedang melakukan siasatan bagi mengumpul maklumat berkaitan dakwaan berlakunya kes buli di sekolah terbabit.

"Kita sedang siasat dan kumpul maklumat bukan sahaja di peringkat polis, malah di peringkat jabatan.

"Malah pengetua (sekolah agama terbabit) juga sudah dipanggil oleh pengarah JPN untuk memberi sedikit pencerahan dan jelaskan berkaitan kes ini, selain melakukan semakan dengan mengkaji segala kebarangkalian," katanya semalam.

Menurut beliau, bukan mudah untuk mengaitkan kejadian yang berlaku (pelajar yang mencekik adiknya) dengan kes buli di sekolah namun begitu, siasatan secara terperinci akan dilakukan.

Rahmad turut mengingatkan semua sekolah di Melaka, khususnya yang berasrama, supaya tidak menyembunyikan sebarang kejadian buli yang berlaku dalam kalangan pelajar.

"Saya sarankan supaya semua sekolah sama ada pengetua, warden dapat memastikan tidak berlaku kes buli di sekolah. Jangan sembunyi, sekiranya ada harus dan wajib ambil tindakan.

"Saya turut mengingatkan semua sekolah terutamanya sekolah berasrama untuk memantau pelajar, terutamanya 'junior'," katanya.

## *Harap sekolah tak rahsia kes buli dalam kalangan pelajar*

**Melaka:** Pihak sekolah terutama sekolah berasrama di negeri ini, digesa tidak menyembunyikan sebarang insiden atau kes buli termasuk penderaan dalam kalangan pelajar mereka bagi mencegah kejadian lebih buruk berlaku.

Exco Pendidikan, Pengajian Tinggi dan Hal Ehwal Agama negeri, Datuk Rahmad Mariman berkata, tindakan akan diambil terhadap pihak sekolah yang menyembunyi atau membiarkan perbuatan berkenaan berlaku terutama sehingga mengancam nyawa pelajar.

Beliau berkata, langkah melaporkan perbuatan buli kepada pihak berkuasa bertujuan mengekang kejadian yang lebih buruk terhadap mangsa seperti trauma sehingga memberi kesan negatif pada kehidupan pelajar berkenaan.

"Kes buli ini tidak membawa sebarang kebaikan kepada pelajar sama ada mangsa atau pembuli dan kebanyakan kes buli atau *ragging* ini berlaku semasa sesi orientasi antara pelajar senior dan junior.

"Namun, di sesetengah sekolah terutama di sekolah asrama, perbuatan ini menjadi kebiasaan dan berpanjangan selepas berakhir sesi orientasi sehingga memberi kesan fizikal dan mental kepada mangsa," katanya kepada media selepas Perhimpunan Bulanan Agensi Agama Islam Negeri Melaka di sini, semalam.

Mengulas lanjut, beliau berkata, kempen 'Sifar Buli' juga akan diperhebat bagi memupuk dan meningkatkan kesedaran berkaitan kesan atau implikasi buli dalam kalangan pelajar sekolah harian atau sekolah asrama.

Katanya, kempen berkenaan juga bertujuan mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih selesa, selamat dan harmoni kepada pelajar.

Rahmad berkata, ibu bapa turut diminta prihatin dengan perubahan tingkah laku anak mereka dan mengambil berat aspek pembelajaran serta hubungan anak dan rakan di sekolah supaya masalah dihadapi anak dapat ditangani di peringkat awal.

Semalam, media melaporkan, bapa kepada remaja lelaki yang mencekik hingga mati adik kandungnya di rumah mereka di Kampung Bukit Piatu di sini semalam, bapa remaja itu mendakwa anak sulungnya berusia 14 tahun itu, adalah mangsa buli di sebuah sekolah menengah Arab di Alor Gajah.

Lelaki itu berkata, kelakuan remaja lelaki itu berubah selepas didakwa menjadi mangsa buli di asrama sejak tahun lalu dan pernah memaklumkan kepadanya berkaitan kes buli yang menimpanya.

Dia juga percaya, kesan perbuatan itu menyebabkan anaknya mengalami trauma sehingga sering meracau.

Pada kejadian tengah hari kelmarin, mangsa, berusia sembilan tahun dilaporkan meninggal dunia selepas didakwa dicekik abangnya. - Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | 'MOGA ADAM TEMU IBU DI SANA' | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# 'Moga Adam temu ibu di sana'

***Penderitaan remaja hidap jantung terbalik 10 tahun berakhir selepas meninggal di hospital***



MOHD Adam menghembuskan nafas terakhir di Hospital Pontian.

Oleh Togi Marzuki
am@hmetro.com.my

**Pontian**

Pesakit jantung terbalik, Mohamad Adam Abd Rahman, 11, akhirnya meninggal dunia di Hospital Pontian di sini, pagi kelmarin selepas menderita penyakit itu sejak berusia setahun.

Kisahnya pernah disiarkan akhbar harian Metro pada tahun 2021, apabila Tunku Mahkota Johor (TMJ) Tunku Ismail Sultan Ibrahim menunaikan impiannya untuk mengunjungi Taman Tema Legoland.

Jenazah Mohammad Adam yang menderita jantung terbalik atau *mitral valve atreia* selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Parit Hj Ahmad pada jam 11 pagi kelmarin.

> *Adam mahu bertemu ibunya, Rafeah Sarijo yang sudah meninggal dunia tahun lalu"*
>
> **Abd Rahman**

Allahyarham Mohammad Adam adalah anak bongsu dari dua beradik dan pernah bersekolah di Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Baloi si sini.

Bapanya Abd Rahman Ahmad, 48, ketika ditemui di kediamannya di Kampung Parit Hj Ahmad di sini, berkata, anaknya ( Mohammad Adam) dijangkiti sakit jantung terbalik sejak usianya satu tahun.

Dia memberitahu, anaknya terpaksa berulang alik untuk menjalani rawatan di Hospital Sultanah Aminah Johor Bahru.

"Tiada lain permintaannya ketika di hospital, dia kerap bertanya 'ayah bila adik Adam nak sihat ? rindu dengan rakan dan guru'.

"Lebih menyayat hati, Adam mahu bertemu ibunya, Rafeah Sarijo yang sudah meninggal dunia tahun lalu," katanya yang bekerja mengambil melakukan kerja kampung.

Katanya, dia reda atas pemergian anaknya itu selepas menderita sekian lama.



ABD Rahman bersama anak sulungnya Irin Nadia, 13, di Tanah Perkuburan Islam Parit Hj Ahmad.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAPA SAYU ANGKAT JASAD ANAK MAUT DIGILIS KERETA API | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 03 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |



ANGGOTA polis mengangkat mayat Mohammad Aqil Irfan untuk dibawa ke hospital.

# Bapa sayu angkat jasad anak maut digilis kereta api

**Pasir Mas:** Sayu hati seorang bapa ketika mengangkat mayat anaknya yang berlumuran darah selepas dipercayai digilis kereta api di Kampung Tanjung di sini, semalam.

Hizuan Jusoh, 52, hanya mampu mengucap panjang sebaik melihat Mohammad Aqil Irfan Hizuan, 23, terbaring dan segera mengalihkan mayat anak ketiga daripada lima beradik itu.

"Badannya sejuk dan baju dipenuhi embun, jadi mungkin kejadian berlaku awal pagi," katanya ketika ditemui di lokasi.

Hizuan berkata, dia mengetahui kejadian kira-kira jam 7 pagi selepas dimaklum adik ipar, Aiman Abd Rashid, 20, dan segera ke lokasi.

Menurutnya, kali terakhir dia bertemu Mohammad Aqil dua hari lalu, memandangkan pemuda itu tinggal bersama datuknya sejak berusia 15 tahun di kampung berhampiran lokasi kejadian.

"Saya tidak berbual panjang dengannya dan dia juga kelihatan ceria seperti biasa, tiada sebarang tingkah laku meragukan," katanya.

Hizuan berkata, dia dimaklumkan yang Mohammad Aqil ada menghantar pesanan WhatsApp meminta maaf kepada abangnya, Mohammad Zuhairi, 28, yang pulang ke Johor kelmarin.

"Mereka berdua sangat rapat dan arwah meminta maaf kerana tidak sempat berjumpa sebelum abangnya itu pulang selepas cuti Aidiladha.

"Landasan kereta api ini sering digunakan penduduk termasuk arwah sendiri, jadi mungkin ketika kejadian, dia melintasi landasan untuk ke rumah bapa saudara yang berdekatan," katanya.

Katanya, mereka sekeluarga reda dengan apa yang berlaku dan memberitahu jenazah arwah dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Chengal Kampung Jelujuk.



HIZUAN

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BUDAK 'HILANG' TAKUT KENA MARAH IBU BAPA | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Budak 'hilang' takut kena marah ibu bapa

**Subang Jaya:** Takut dimarahi ibu bapa selepas berselisih faham dengan rakan menjadi punca seorang kanak-kanak lelaki 'hilang' sebelum ditemui selamat oleh polis.

Ketua Polis Daerah Subang Jaya, Asisten Komisioner Wan Azlan Wan Mamat berkata, kanak-kanak berusia sembilan tahun itu tidak pulang ke rumah selepas selesai sesi petang Kelas Agama dan Fardu Ain (KAFA) di sebuah sekolah di Shah Alam.

Beliau berkata, pihak sekolah, pemandu van dan keluarga yang menyedari kehilangan kanak-kanak itu pada jam 6 petang cuba mencarinya, namun gagal sebelum membuat laporan di Balai Polis Sri Muda Shah Alam pada 8.28 malam kelmarin.

"Pada 8.50 malam, pasukan peronda dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Subang Jaya menemui kanak-kanak berpakaian sukan tersesat di Stesen LRT SS15.

"Semakan oleh anggota di Balai Polis Subang Jaya dengan Balai Polis Sri Muda mendapati ibu bapa kanak-kanak itu baru selesai membuat laporan polis," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Wan Azlan berkata, siasatan mendapati kanak kanak itu tidak pulang ke rumah berpunca kerana takut dimarahi ibu bapa selepas berlaku perselisihan dengan rakan di sekolah.

Katanya, kanak-kanak itu sudah diserahkan semula kepada ibu bapa dalam keadaan baik pada jam 9.45 malam.

Terdahulu, Harian Metro melaporkan kanak-kanak lelaki ditemui oleh unit peronda polis (MPV) Subang Jaya kelmarin.

Kanak-kanak itu dilaporkan hilang selepas kali terakhir dilihat berada di tangga belakang sekolah pada 5.30 petang.



KANAK-KANAK lelaki yang hilang ketika berada di kelas KAFA di Shah Alam ditemui selamat oleh polis.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | CAMPAK 2 ANAK ELAK TERBAKAR | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
| TARIKH | : | 07 JUL 2023 | M/SURAT | : | 24 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Campak 2 anak elak terbakar

*Bapa ambil tindakan selamat nyawa zuriat daripada terperangkap dalam api di kedai miliknya*



ZAMIRUL menerima rawatan di Hospital Pakar Sultanah Fatimah Muar selepas cedera ketika menyelamatkan diri. - Gambar NSTP/ALIAS ABD RANI



KEADAAN deretan rumah kedai yang musnah dalam kebakaran di Pekan Lenga, Bukit Kepong.


**Oleh Alias Abd Rani**
am@hmetro.com.my


**Pagoh**

Seorang bapa bertindak mencampak dua anak lelakinya dalam usaha menyelamatkan nyawa mangsa yang terperangkap dalam kebakaran deretan rumah kedai di Pekan Lenga, Bukit Kepong di sini.

Dalam kejadian jam 4.30 pagi semalam, Zamirul Suahimi, 30, bertindak mencampak Muhammad Firas Syahmi, 10, dan Muhammad Harith, empat tahun, dari tingkat atas premis sebelum dua beradik itu berjaya disambut dua pekerja kilang yang kebetulan berada di lokasi.

Bagaimanapun, Zamirul yang terjun selepas itu tercedera pada tangan akibat terkena zink selain melecur di telinga, mata, mulut selain bengkak di tengkuk.

Menceritakan kejadian itu, isterinya, S'biha Bahari, 39, berkata, sebelum kejadian dia menghubungi suaminya beberapa kali namun tiada jawapan.

"Tidak lama kemudian dua pekerja kilang terbabit menjawab telefon suami dan memaklumkan kedai makan milik kami terbakar.

"Menjadi kebiasaan bagi suami dan anak tidur di kedai kerana dia akan masak juadah pagi. Saya pula tidur di rumah ibu tidak jauh dari kedai makan.

"Suami terus bangun apabila mendengar jeritan sebelum mencampakkan anak dari tingkat atas kedai," katanya.

> **"Kebakaran itu memusnahkan 90 peratus keseluruhan 10 rumah kedai**
> Mohd Fadli

Menurutnya lagi, suaminya itu kini dirawat di Hospital Pakar Sultanah Fatimah, Muar, dekat sini.

Dalam kejadian itu, 10 buah rumah kedai terbakar antaranya kedai runcit, kedai motosikal, kedai perkakas rumah, kedai motosikal dan sebuah rumah.

Sementara itu, Komander Operasi Bomba Dan Penyelamat Pagoh, Penolong Penguasa Mohd Fadli Ismail berkata, pihak menerima panggilan kecemasan pada jam 5.10 pagi.

Katanya, seramai 29 anggota dari Balai Bomba dan Penyelamat Pagoh, Labis, Bukit Gambir dan Bandar Baru bergegas ke lokasi untuk memadam kebakaran.

"Kebakaran itu memusnahkan 90 peratus keseluruhan 10 rumah kedai. Operasi tamat pada jam 12.16 tengah hari dan punca kebakaran serta jumlah kerugian masih dalam siasatan," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIKEBUMI SEBELAH JUBUR IBU BAPA, LIMA ADIK-BERADIK | | | |
| HARI | : | JUMAAT | AKHBAR | : | HARIAN METRO |
